



# PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

### DOKUMEN SEBUT HARGA (KERJA)

Tajuk Sebut Harga : Kerja-Kerja Menaiktaraf Ruang Tingkat Bawah Banglo  
Jaksa, Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

No. Rujukan : PSUKPP/73/2012  
Sebut Harga

<b><u>Bil.</u></b>	<b><u>Kandungan</u></b>	<b><u>Muka Surat</u></b>
1.	Syarat-syarat Tawaran / Perkara Am	2/39 – 3/39
2.	Arahan Kepada Penyebut Harga	4/39 – 5/39
3.	Syarat-syarat Sebut Harga	6/39 – 12/39
4.	Peringatan Mengenai Rasuah	13/39 – 16/39
5.	Lampiran Kepada Syarat-Syarat Sebut harga	17/39 – 17/39
6.	Borang Tawaran Sebut Harga	18/39 – 28/39
7.	Borang Maklumat Penyebut Harga	29/39 – 36/39
8.	Senarai Semakan Dokumen	37/39 – 39/39

### **NOTA PENTING**

**SILA BACA SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA DENGAN TELITI, KEGAGALAN PIHAK TUAN MEMATUHI SYARAT-SYARAT TERSEBUT AKAN MENYEBABKAN SEBUT HARGA TUAN TIDAK DIPERTIMBANGKAN**

## **DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA**

### **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (Arahan Perbendaharaan No. 170)**

Tajuk : Kerja-Kerja Menaiktaraf Ruang Tingkat Bawah Banglo  
Jaksa, Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau  
Pinang.

No. Rujukan Sebut Harga : PSUKPP/73/2012

Tarikh Tutup : 14 Ogos 2012

Masa : 12 Tengahari

#### **Syarat-Syarat Tawaran / Perkara Am**

Pemborong/ kontraktor mestilah memahami segala syarat-syarat tawaran dan syarat-syarat kontrak supaya tawaran yang dihantar oleh kontraktor adalah memenuhi segala syarat-syarat. Satu persetujuan akan dimeterikan mengenai kontrak ini diantara kerajaan dengan kontraktor yang berjaya.

1. Segala arahan, syarat tawaran dan penentuan kerja akan dijadikan sebahagian daripada dokumen perjanjian yang akan dimeterikan;
2. Setiap kontraktor mestilah menghantar segala tawaran kerja di dalam sampul surat bertutup serta berlakri yang bertajuk sebelah kiri sampul dan dialamatkan seperti di dalam notis tawaran;
3. Harga tawaran yang dihantar mestilah berupa harga pukal (lump sum) untuk harga .
4. Tawaran dan semua dokumen yang dihantar mestilah sampai di Kaunter Pejabat Setiausaha Kerajaan, Tingkat 25, KOMTAR, pada waktu dan tarikh yang ditetapkan;
5. Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi 90 hari (3 bulan) dari tarikh tutup sebut harga.
6. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran;
7. Tawaran yang telah ditawarkan oleh kontraktor tidak boleh diubahsuaikan lagi dan segala silapkira atau salah faham mengenai kawasan, penentuan kerja dan lainnya tidak akan dilayan;

8. Penyebut harga hendaklah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor di dalam kod bidang berkaitan dan satu salinan Sijil Pendaftaran PKK dan CIDB yang masih sah tersebut hendaklah dihantar bersama dokumen sebut harga ini.

Sijil	Kelas	Kepala	Sub-Kepala
PKK	F	I	1

9. Salinan **Profail Syarikat** yang lengkap beserta **Penyata Kewangan 3 Bulan Terkini** dan **Butiran Pengalaman Kerja-Kerja Yang Sedang Dan Telah Dijalankan WAJIB** dikemukakan untuk dijadikan penilaian bagi kontrak tersebut;
10. Penyebut harga hendaklah bebas dari sebarang tindakan tatatertib pihak Pusat Khidmat Kontraktor. Tindakan akan diambil ke atas kontraktor yang melanggar peraturan ini;
11. Penyebut harga yang menyertai sebut harga terhad ini atas pilihan dan risikonya sendiri dan tidak berhak membuat apa-apa tuntutan ke atas Kerajaan Negeri Pulau Pinang, segala ganti rugi dari sebarang kerugian yang berpunca dari penyertaannya dalam sebut harga ini adalah di bawah tanggungannya sendiri.
12. Kontraktor yang berjaya atau tidak berjaya diberitahu sebaik sahaja proses pemilihan telah selesai dan
13. Borang tawaran yang telah siap diisi mestilah dimasukkan di dalam satu sampul surat bermetri yang ditanda "**SEBUTHARGA KERJA-KERJA MENAIKTARAF RUANG TINGKAT BAWAH BANGLO JAKSA, TANJUNG BUNGAH, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG**, dan mestilah sampai di **Pejabat Setiausaha Kerajaan, Tingkat 25, KOMTAR, Pulau Pinang** tidak lewat daripada jam **12.00** tengah hari pada **14 Ogos 2012**

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
PULAU PINANG.

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana- mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

### 2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

#### 2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat hitam segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan SebutHarga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

#### 2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga PSUKPP/73/2012 serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan,

Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

#### 2.3 Perbezaan Harga Tawaran

Sekiranya berlaku perbezaan harga yang ditawarkan dengan pecahan harga, harga yang akan diguna pakai adalah jumlah harga yang ditawarkan dalam perkataan.

## 2.4 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

## 3. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi 8 minggu.

## 4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga RM 10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ringgit sahaja).

## 5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

## 6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN**

**SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA**

1. TAFSIRAN

(a) Pegawai Penguasa

Pegawai Penguasa yang disebutkan dalam syarat-syarat sebut harga ini ialah Ketua Jabatan, Ketua Jabatan Pejabat Setiausaha Kerajaan atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan memikul tanggungjawab Ketua Jabatan kemudian dari ini digelar "PSUKPP".

(b) Wakil Pegawai Penguasa

Wakil Pegawai Penguasa ertinya mana-mana orang atau orang-orang yang telah diwakilkan atau dibenarkan dari semasa ke semasa oleh Pegawai Penguasa untuk menjalankan mana-mana atau semua kewajipan Pegawai Penguasa.

(c) Kerja

Kerja yang dimaksudkan adalah seperti ditunjukkan dalam Ringkasan Sebut Harga, Spesifikasi dan lukisan-lukisan yang disebut/disertakan.

(d) Kontraktor

Kontraktor ertinya orang atau orang-orang perkongsian firma atau syarikat yang menyebut harga untuk perkhidmatan/kerja dan telah di setuju terima dan 'kontraktor' membawa erti dan termasuk wakil-wakil peribadi kontraktor penggantinya dan mana-mana orang atau kumpulan orang lain yang kepadanya kontraktor telah menyerahkan hak yang telah mendapat kelulusan Pegawai Penguasa.

2. KONTRAK

Satu kontrak dikira mengikat diantara PSUKPP dengan kontraktor yang Sebut harganya ini di setuju terima dan tertakluk kepada syarat-syarat Sebut harga untuk Kerja. Keseluruhan kerja-kerja yang dinyatakan dalam Borang Tawaran Sebut Harga Kerja yang akan diberi secara kontrak.

### 3. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor adalah bertanggungjawab membuat pemeriksaan dan penelitian-penelitian berikut:

- (a) Tapak bina dan sekitarnya
- (b) Bentuk dan jenis tapak bina
- (c) Tapak dan jenis kerja
- (d) Bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja
- (e) Cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina serta hendaklah mendapatkan sendiri maklumat yang perlu tentang:
  - i) Risiko luar jangkaan; dan
  - ii) Segala hal yang mempengaruhi dan boleh menjejaskan sebut harga.

Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

### 4. PERCANGGAHAN DALAM BORANG TAWARAN SEBUT HARGA KERJA

Kontraktor hendaklah merujuk kepada Pegawai Penguasa untuk mendapatkan keputusan sekiranya kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Borang Tawaran Sebut Harga Kerja.

### 5. RINGKASAN SEBUT HARGA

- a) Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- b) Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan kerja dengan sempurnanya.
- c) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh kerja.

### 6. JUMLAH HARGA SEBUT HARGA

Jumlah harga sebut harga ialah jumlah harga yang dicatatkan di dalam Borang Tawaran Sebut Harga Kerja atau lain-lain jumlah yang dibenarkan menurut syarat-syarat sebut harga ini.

Jika terdapat perbezaan diantara jumlah di dalam Ringkasan Sebut Harga dengan jumlah yang dibawa ke Borang Tawaran Sebut Harga Kerja maka jumlah harga

sebut harga yang akan diambil kira ialah jumlah yang dinyatakan di dalam Borang Tawaran Sebut Harga Kerja tersebut. Sekiranya berlaku kesilapan antara jumlah perkataan dengan jumlah berangka maka jumlah perkataan hendaklah diambil kira.

#### 7. MENGHALANG DARI MEMASUKI SEBUT HARGA

Dalam mana-mana hal pun PSUKPP tanpa menyentuh apa-apa hak lain berhak menghalang kontraktor dari mengambil bahagian dalam mana-mana kerja yang dikendalikan oleh PSUKPP hingga satu masa mengikut budi bicara PSUKPP dan hanya apabila persetujuan bertulis PSUKPP telah terlebih dahulu diterima oleh Kontraktor.

- a) Menarik balik sebut harga sebelum tamat tempoh sah sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan atau
- b) Mengenakan had, syarat atau perjanjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik sebut harga ini) atau
- c) Jika kontraktor enggan dan tidak meneruskan kerja-kerja dalam masa empat belas hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam surat setuju terima sebut harga.

#### 8. MENYERAH HAK KERJA

Keseluruhan kontrak yang dipersetujui kontraktor di sini tidak boleh dipindah kepada mana-mana pihak yang lain, juga Kontraktor tidak dibenarkan menyerahkan hak sepenuhnya, sebahagian mahupun mana-mana bahagian kerja-kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Berkaitan dengan yang sama, kontraktor memberi akujanjinya di sini tidak akan menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Pegawai Penguasa.

#### 9. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Borang Tawaran Sebut Harga Kerja ini dan arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.

#### 10. ARAHAN PEGAWAI PENGUASA ATAU WAKILNYA

Kontraktor hendaklah dengan serta merta mematuhi semua arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya untuk menyempurnakan dan menyiapkan kerja termasuk semua arahan untuk kerja-kerja tambahan dan pindaan.

- a) PSUKPP berhak melantik seorang pegawai yang akan bertanggungjawab, mengkaji, mengawasi perkembangan dan arah tujuan Kontrak yang



dikendalikan oleh Kontraktor dari semasa ke semasa (kemudian ini bergelar "Pegawai Penguasa").

- b) Pegawai Penguasa, Pengganti dalam jawatan atau pegawai yang dilantikannya, atau wakilnya adalah layak untuk mengeluarkan arahan, pesanan, apa-apa notis termasuk pindaan dan tambahan dan tidak terhad juga kepada notis penamatan kerja/kontrak ini, bagi pihak PSUKPP kepada kontraktor, sama ada secara bertulis mahupun secara lisan.
- c) Kontraktor mengakui akan menuruti dan mematuhi segala arahan, pesanan, notis untuk pindaan dan/atau tambahan, dan apa-apa notis sekalipun yang mungkin diterima daripada Pegawai Penguasa, pengganti dalam jawatan atau pegawai yang dilantikannya, wakilnya yang bertindak bagi pihak Pegawai Penguasa dan berkaitan dengan yang sama hendaklah (sekiranya terpakai) dengan serta merta mematuhi semua arahan, pesanan dan notis-notis yang dikeluarkan bagi menyempurnakan dan pelaksanaan kerja yang dikehendaki.

#### 11. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI PENGUASA

Pegawai Penguasa atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja oleh kontraktor yang tidak mematuhi spesifikasi, dan/atau lukisan. Bahan-bahan binaan dan kerja yang ditolak hendaklah diganti atau dibina semula dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

#### 12. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL, UNDANG-UNDANG BERKANUN OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi semua undang-undang kecil yang berkenaan dan membayar semua yuran, caj dan lain-lain bayaran yang berkaitan. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos atau bayaran tambahan berhubung dengan pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

#### 13. LANJUTAN MASA

Kontraktor hendaklah menyiapkan keseluruhan kerja-kerja dalam tempoh yang dipersetujui di sini dan Kontraktor mengakui sebarang permohonan lanjutan masa tidak akan dilayan ataupun dibenarkan KECUALI, Pegawai Penguasa hanya boleh menimbangakan di atas budi bicara mutlakanya. Lanjutan masa terhadap siap kerja di atas sebab-sebab dan terhad kepada keadaan berikut sahaja:-

- i) Kelewatan yang berpunca daripada Pegawai Penguasa dan
- ii) Bencana Alam atau lain-lain sebab yang munasabah yang diluar kawalan Kontraktor.

14. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

PSUKPP berhak menamatkan kontrak ini di atas sebab-sebab berikut dan setelah menerima Surat Amaran daripada Pegawai Penguasa;

- a) Sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
- b) Kemajuan kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja oleh kontraktor tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Penguasa tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- e) Apabila kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah; dan
- f) Kegagalan pihak kontraktor melaksanakan kerja dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak setelah jaminan bank dikemukakan akan mengakibatkan pengambilan kerja tuan dibawah kontrak ini ditamatkan.

Dalam hal sekiranya pengambilan kerja kontraktor ditamatkan di bawah kontrak ini mengikut salah satu perenggan atau mana-mana perenggan campuran (sekiranya terpakai dari fasal (a) hingga (e) PSUKPP berhak:-

Menarik semula tapak bina dan dengan demikian kontraktor hendaklah memberhentikan kerjanya dan PSUKPP boleh menyiapkan kerja itu secara langsung atau mengambil bekerja dan membayar seorang kontraktor atau mana-mana kontraktor lain mengikut budi bicara mutlak PSUKPP tanpa perlu rujukan lagi kepada kontraktor.

15. TEMPOR LIABILITI KECACATAN

- i) Kedua-dua pihak menetapkan Tempoh Liabiliti Kecacatan yang dipersetujui bagi siap kerja kepada enam (6) bulan sahaja, dikira dari tarikh siap kerja. Dalam tempoh seperti tersebut, Kontraktor hendaklah membaiki sebarang kecacatan yang mungkin timbul akibat kerja-kerja tersebut dengan seberapa segera. WALAU BAGAIMANA SEKALIPUN, tidak lewat dari tujuh (7) hari selepas diberitahu/penerimaan notis dari Pegawai Penguasa. JUGA ADALAH DIPERSETUJUI, tiada senarai kecacatan boleh dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa selepas tujuh (7) hari dari tamatnya Tempoh Liabiliti Kecacatan tersebut.
- ii) Di dalam keadaan sekiranya setelah pemberitahuan notis untuk pembetulan dan pemulihan kecacatan di serahkan kepada Kontraktor, namun Kontraktor gagal, enggan dan/atau mengabaikan untuk menyempurnakan yang sama dalam masa melebihi tempoh tujuh (7) hari yang dibenarkan mengikut Fasa 15 (i) di atas, Kontraktor memberi persetujuannya di sini bahawa, Pegawai Penguasa adalah berhak bagi mendapatkan khidmat daripada pekerja, kontraktor, orang perseorangan yang lain atau sesiapa sahaja untuk menjalankan kerja-kerja pemulihan dan pembetulan dan dalam keadaan demikian segala kos, pembayaran dan upahan terhadap perkhidmatan seperti tersebut akan ditanggung

sepenuhnya dan di kira sebagai hutang yang perlu di bayar dan/atau diselaraskan oleh Kontraktor kepada PSUKPP.

16. GANTI RUGI CAIR KERANA TIDAK SIAP/DENDA YANG DIPERSETUJUI KONTRAKTOR

Jika kontraktor tidak menyiapkan kerja pada tarikh siap yang ditetapkan atau dalam sesuatu masa lanjutan dan Pegawai Penguasa memperakui secara bertulis bahawa pada pendapatnya kerja tersebut dengan munasabahnyanya sepatutnya telah siap. Kontraktor atau mana-mana kontraktor lain hendaklah membayar atau memberikan kepada PSUKPP.

Sesuatu jumlah wang mengikut kadar Ringgit Malaysia : Dua ratus sahaja (RM200.00) sehari, kadar bayaran yang mana hendaklah dianggap sebagai Ganti rugi Cair yang ditetapkan dan perlu dibayar oleh Kontraktor bermula dari tarikh kerja-kerja sepatutnya disiapkan, selama tempoh keadaan tapak bina masih tidak disempurnakan, sehinggalah pada satu tarikh, kerja-kerja tersebut siap/disempurnakan dan tapak bina diserahkan semula oleh Kontraktor kepada PSUKPP, tertakluk selalu kepada budi bicara PSUKPP mengikut fasal 14 di atas. DENGAN SYARAT Pegawai Penguasa berhak dan diberikuasa untuk memotong atau menolak jumlah Ganti rugi Cair dari mana-mana bahagian wang yang kena dibayar kepada Kontraktor oleh PSUKPP.

17. DEPOSIT CAGARAN KESELAMATAN

- i) Petender/kontraktor hendaklah memberi deposit cagaran keselamatan/jaminan bank sebanyak 5 % daripada jumlah harga kontrak bagi kerja yang bernilai melebihi RM200,000
- ii) Cagaran Keselamatan ini hendaklah dalam bentuk:
  - a) Jaminan Bank yang dikeluarkan oleh bank atau syarikat kewangan berlesen ; atau
  - b) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat insurans berlesen.

18. SURAT-MENYURAT DARI PETENDER YANG TIDAK BERJAYA

PSUKPP tidak akan melayan sebarang surat-menyurat daripada petender-petender mengenai sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.

19. INSURANS

Sebelum memulakan kerja yang dipersetujui, Kontraktor hendaklah di atas kos dan perbelanjaannya sendiri, telah mengambil insurans-insurans, dipihaknya perlu mengambil demi menjaga kepentingannya sendiri, pekerja-pekerjanya dan/atau kerja yang akan dikendalikan, di bawah kontrak ini dengan nilai yang mencukupi dan munasabah dan seperti berikut:-

- i) Insurans Pampasan Pekerja dan/atau berdaftar dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

- ii) Insurans Liabiliti awam dan harta benda, dan/atau memastikan Kontraktor telah menepati syarat yang ditetapkan di sini, dan PSUKPP adalah berhak dan boleh menganggap Kontraktor telahpun mematuhi kehendak fasal ini sebaik sahaja Kontrak ini ditandatangani.

DENGAN SYARAT LAGI Kontraktor hendaklah dan memberi akujanji dan jaminannya di sini untuk membuat pampasan, mengganti rugi PSUKPP, dan/atau mengecualikan PSUKPP dari sebarang tuntutan, perbelanjaan dan pembayaran yang mungkin dituntut oleh pihak ketiga dan/atau mana-mana pihak sekalipun dan yang berpunca daripada kemungkinan Kontraktor berkaitan fasal di sini.

20. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan perakuan siap kerja dikeluarkan. Kontraktor diminta memajukan Pesanan Belian dan invoice ke Pusat Tanggungjawab yang berkenaan.

---

***Pengesahan Kontraktor***

Syarat-syarat di atas telah dibaca dan saya/syarikat ini bersetuju dengannya.

.....  
Tandatangan & Cop

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

Alamat : .....

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN

### 1. PERINGATAN MENGENAI RASUAH

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah, berikut disenaraikan peringatan mengenai kesalahan rasuah :

- 1.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 1.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).
- 1.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 1.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

### 2. PELAKSANAAN INTEGRITI PACT

- 2.1 Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga adalah seperti di Lampiran A. Surat Akuan Pembida dan Surat Perwakilan Kuasa adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga.

- 2.2 Penyebut harga yang berjaya hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida Berjaya adalah seperti di **Lampiran B**. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama *Surat Setuju Terima/Pesanan Tempatan*.

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

.....

Saya,..... nombor K.P..... yang mewakili  
..... nombor Pendaftaran  
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya  
atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi  
rasuah kepada mana-mana individu dalam ..... atau  
mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\*  
seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya  
mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati  
bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam  
..... atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih  
dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju  
tindakan-tindakan berikut diambil:

penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; atau  
penamatan kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; dan  
lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau  
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih  
dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera  
melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah  
Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

**Catatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan.**

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

.....

Saya,..... nombor K.P..... yang mewakili  
..... nombor Pendaftaran  
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya  
atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi  
rasuah kepada mana-mana individu dalam ..... atau  
mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga\* seperti di  
atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat  
seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati  
bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam  
..... atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran  
mendapatkan tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat  
bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; atau  
penamatan kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; dan  
lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau  
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan  
tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan  
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)  
atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

**Catatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan.**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN**

**LAMPIRAN KEPADA SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA**

<b>Perkara</b>	<b>Perenggan</b>	<b>Butiran/Penjelasan</b>
Pegawai Penguasa	1(a)	Ketua Penolong Setiausaha (KP & Kew)
Wakil Pegawai Penguasa	1(b)	Penolong Setiausaha (KP / Aset)
Jumlah Harga Sebut Harga	6	RM.....
Tempoh Liabiliti Kecacatan	15( i )	Enam (6) bulan
Gantirugi cair kerana tidak siap/denda yang dipersetujui kontraktor	16	Ringgit Malaysia: Dua ratus sahaja sehari (RM200.00)

**BORANG SEBUT HARGA KERJA**  
**Sebut Harga Bil PSUKPP/73/2012**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN**  
**Bahagian Khidmat Pengurusan**  
**Tingkat 25, KOMTAR**

Tuan,

Tajuk:.....  
.....  
.....  
.....

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut harga, Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan Pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah : RM ..... Dengan perkataan (Ringgit Malaysia: .....). Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja tersebut dalam tempoh penyediaan selama.....minggu dari tarikh Surat Setuju terima Tawaran Sebut harga/Pesanan Belian dikeluarkan.

Bertarikh pada .....

.....  
(Tandatangan Petender)

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh: .....

Nama Penuh : .....

No. K/P: .....

No. K/P : .....

Alamat: .....

Alamat : .....

.....

.....

(Meterai atau Cop Petender)

Kerja-Kerja Menaiktaraf Ruang Tingkat Bawah Banglo Jaksa.

**RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)**

<b>Bil.</b>	<b>Huraian Kerja</b>	<b>Jumlah Harga Pukal (RM)</b>
	Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga	

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....  
Tandatangan Kontraktor

Tarikh.....

## RINGKASAN SEBUT HARGA KERJA

No. Rujukan Sebut Harga : PSUKPP/73/2012

Tarikh Tutup &amp; Masa : 14 Ogos 2012, Jam 12 Tengah Hari

Tajuk Kerja : Kerja-Kerja Menaiktaraf Ruang Tingkat Bawah Banglo Jaksa,  
Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.**NOTA**

Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah dimasukkan di dalam harga butiran-butiran lain. Penyebut harga adalah dianggap telah melawat tapak bina dan membaca syarat-syarat sebut harga bersama-sama dengan pelan-pelan dan spesifikasi untuk memastikan sendiri liputan kerja-kerja yang terlibat sebelum memasukkan harga kerana sebarang tuntutan bayaran tambahan berhubung dengan perkara di atas tidak akan dipertimbangkan.

BIL	RINGKASAN HARGA	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH
1	Kos termasuk kerja-kerja permulaan termasuk Insuran Tanggungan Awam (Public Liability) dan Pampasan Pekerja (Workmen Compensation) termasuk kerja-kerja yang berkaitan.	N/A		
<b>Jumlah Besar No.1</b>				
2	<b>Menaiktaraf Ruang Dapur Dan Bilik Tidur.</b>			
i	Kerja-kerja meroboh bumbung sedia ada, dinding dan kemasian lantai yang berkaitan.	LS		
ii	Kerja-kerja pengorekan tidak melebihi kedalaman 1.5 m .	6.00m <sup>3</sup>		
2(a)	<b>Pembinaan asas 1000mm x 1000mm x 300mm x 8nos</b>			
i	Kerja-kerja konkrit menggunakan konkrit gred 25 mengikut spesifikasi di dalam lukisan.	2.40m <sup>3</sup>		

BIL	RINGKASAN HARGA	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH
ii	Kerja-kerja tetulang keluli (Y12) mengikut spesifikasi.	180kg		
iii	Acuan Konkrit.	9.60m <sup>2</sup>		
iv	Kerja-kerja menambak dan memadat hardcore tebal 300mm.	22.03m <sup>3</sup>		
v	Membekal dan memasang polythene sheet.	65.52m <sup>2</sup>		
<b>2(b)</b>	<b>Pembinaan lantai dan rasuk bawah 200mm x 400mm</b>			
i	Kerja-kerja konkrit menggunakan konkrit gred 25 mengikut spesifikasi di dalam lukisan.			
	Rasuk bawah 200mm x 400mm	3.40m <sup>3</sup>		
	Konkrit Lantai 150mm	9.75m <sup>3</sup>		
<b>2(c)</b>	<b>Rasuk Bawah</b>			
i	Y12	438.00kg		
ii	R10	240.00kg		
<b>2(d)</b>	<b>Lantai</b>			
i	BRC A6 untuk lantai	130.00m <sup>2</sup>		
<b>2(e)</b>	<b>Acuan</b>			
i	Acuan konkrit untuk rasuk	16.00m <sup>2</sup>		
ii	Acuan konkrit untuk lantai	24.48m <sup>2</sup>		
<b>2(f)</b>	<b>Pembinaan stump dan tiang 200mm x 200mm x 8nos</b>			
i	Kerja-kerja konkrit menggunakan konkrit gred 25 mengikut spesifikasi di dalam lukisan.	1.15m <sup>3</sup>		
ii	12mm diameter (Y12) keluli tegangan tinggi.	147.20kg		
iii	8mm diameter (Y8) bar keluli lembut.	196.27kg		
iv	Acuan konkrit untuk tiang	23.04m <sup>2</sup>		

BIL	RINGKASAN HARGA	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH
<b>2(g)</b>	<b>Pembinaan rasuk bumbung 200mm x 350mm.</b>			
i	Kerja-kerja konkrit rasuk menggunakan konkrit mengikut spesifikasi didalam lukisan.	3.00m <sup>3</sup>		
ii	12mm diameter (Y12) keluli tegangan tinggi.	256.80kg		
iii	8mm diameter (R8) bar keluli lembut.	228.27kg		
iv	Acuan konkrit untuk rasuk bumbung	29.96m <sup>2</sup>		
<b>2(h)</b>	<b>Kerangka bumbung</b>			
i	Membekal dan memasang kerangka keluli mild steel lembut termasuk kerja pengimpalan dan penyambungan.	77.76m <sup>2</sup>		
ii	Membekal dan memasang papan cantik pada sisi bumbung 25mm thick x 250mm tebal papan kayu bergred B.	28.00m		
<b>2(i)</b>	<b>Bumbung</b>			
i	Membekal dan memasang aluminium foil double sided.	77.76m <sup>2</sup>		
ii	Kepingan bumbung roof tiles.	77.76m <sup>2</sup>		
iii	Membekal dan memasang perabung.	12.00m		
<b>2(j)</b>	<b>Kerja Kemas</b>			
i	Membekal dan memasang bata setebal 113mm termasuk kerja-kerja berkaitan.	93.42m <sup>2</sup>		
ii	Kerja-kerja melepai luaran dan dalaman bangunan.	186.84m <sup>2</sup>		
iii	Kerja-kerja mengecat dinding dalam 2 lapisan cat emulsion cat jenis ICI atau setaraf.	93.42m <sup>2</sup>		
iv	Kerja-kerja mengecat dinding luar menggunakan cat weathershield cat jenis ICI atau setaraf.	93.42m <sup>2</sup>		
v	Kerja-kerja memasang jubin dinding 600mm x 300mm termasuk lapisan screeding pada dinding tandas sehingga paras siling.	42.12m <sup>2</sup>		
vi	Membekal dan memasang siling plaster.	65.00m <sup>2</sup>		
vii	Kerja-kerja mengecat siling.	65.00m <sup>2</sup>		

BIL	RINGKASAN HARGA	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH
viii	Membekal dan memasang jubin lantai anti slip 600mm x 600mm termasuk screeding pada lantai bilik dan koridor.	65.00m <sup>2</sup>		
ix	Membekal dan memasang jubin lantai anti slip 600mm x 300mm termasuk screeding pada lantai tandas.	7.56m <sup>2</sup>		
x	Membekal dan memasang pintu panel satu daun termasuk kerangka 900mm x 2100mm termasuk kelengkapan aksesori berkaitan.	2.00nos		
xi	Membekal dan memasang pintu tandas pvc 750mm x 2100mm termasuk kerangka dan kelengkapan berkaitan.	2.00nos		
xii	Kerja-kerja perpaipan di dalam tandas sehingga ke penyambungan.	LS		
xiii	Kerja-kerja sistem sanitari didalam dan diluar sehingga ke penyambungan.	LS		
<b>2(k)</b>	<b>Alat kelengkapan tandas.</b>			
i	Tandas duduk dengan cistern sistem dual flush jenama kelulusan pelanggan.	2.00nos		
ii	Basin Basuh tangan	2.00nos		
iii	Hand Bidet	2.00nos		
iv	Stainless steel Floor Trap 100mm	4.00nos		
v	Shower mandi dipasang 1800mm dari lantai.	2.00nos		
vi	Bip tab	2.00nos		
vii	Hand soap	2.00nos		
viii	Tissue holder	2.00nos		
ix	Pintu Utama kaca 5mm tebal dan kerangka aluminium anodised merujuk kepada butiran pengeluar. 2400mm x 1800mm.	1.00nos		
x	Tingkap kaca baru berbingkai aluminium anodised 1500mm x 2400mm merujuk kepada kelulusan pelanggan.	2.00nos		

<b>BIL</b>	<b>RINGKASAN HARGA</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>HARGA (RM)</b>	<b>JUMLAH</b>
xi	Tingkap kaca baru berbingkai aluminium anodised 450mm x 450mm merujuk kepada kelulusan pelanggan.	4.00nos		
xii	Kerja-kerja pendawaian termasuk membekal kabel,pekerja dan alatan yang terlibat serta perkara-perkara lain yang berkaitan.	LS		
xiii	Membekal dan memasang lampu downlight 100mm x 100mm.	10.00nos		
xiv	Membekal dan memasang sub DB.	1.00nos		
xv	Membekal dan memasang soket 13 amp .	4.00nos		
xvi	Membekal dan memasang kipas siling.	2.00nos		
<b>2(l)</b>	<b>Lain-lain kerja berkaitan</b>			
i	Longkang Perimeter 225mm termasuk mengorek, konkrit,memasang longkang tanah liat dan membina coping mengikut aras yang dikehendaki.	15.00m		
ii	Lain-lain kerja luaran termasuk siling dan apron luar.	LS		
iii	Membuang sisa-sisa binaan.	LS		
<b>Jumlah Besar No.2</b>				
<b>3</b>	<b>Kerja Menaiktaraf Ruang Sedia Ada</b>			
<b>3(a)</b>	<b>Kemasan Dinding Dalam Ruang Utama.</b>			
i	Membekal tenaga kerja bagi kerja-kerja memecah permukaan berlepa di bahagian ruang utama dan jubin di dapur.	LS		
ii	Membekal tenaga kerja bagi membuka panel dan kerangka tingkap dan pintu serta memecah dinding bata sedia ada di dinding hadapan ruang utama.	LS		
iii	Membekal tenaga kerja dan bahan bagi kerja-kerja melepa di dinding di bahagian ruang utama.	52.20m <sup>2</sup>		
iv	Membekal dan memasang pintu gelongsor kaca dengan kerangka aluminium anodised 2800mm x 2100mm dengan ketebalan kaca 6mm termasuk segala kelengkapan.	1.00nos		



BIL	RINGKASAN HARGA	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH
v	Membekal dan memasang tingkap jenis casement kaca dengan kerangka aluminium anodised 1200mm x 1800mm dengan ketebalan kaca 6mm termasuk segala kelengkapan.	6.00nos		
vi	Membekal dan memasang jubin dinding 300mm x 250mm di ruang dapur sehingga ke permukaan siling.	33.60m <sup>2</sup>		
vii	Membekal dan memasang tingkap top hung kaca dengan kerangka aluminium anodised 1200mm x 600mm dengan ketebalan kaca 6mm termasuk segala kelengkapan.	1.00nos		
viii	Membekal dan memasang pintu folding aluminium 750mm x 2100mm tandas.	1.00nos		
ix	Kerja-kerja mengecat ruang dalam dengan cat emulsion 2 lapisan termasuk cat 1 lapisan cat sealer.	52.20m <sup>2</sup>		
<b>3(b)</b>	<b>Kemasan Siling</b>			
i	Membekal dan memasang siling plaster di ruang utama termasuk pemasangan cornice dan penyediaan pembukaan bagi lampu downlight dan pendawaian.	37.44m <sup>2</sup>		
ii	Kerja-kerja mengecat siling plaster dengan cat emulsion 2 lapisan termasuk cat 1 lapisan cat sealer.	37.44m <sup>2</sup>		
<b>3(c)</b>	<b>Kemasan Lantai</b>			
i	Membekal tenaga kerja bagi kerja-kerja memecah jubin sedia ada termasuk lapisan screeding.	LS		
ii	Membekal dan memasang jubin homogenus 450mm x 450mm termasuk lapisan screeding di ruang utama.	37.44m <sup>2</sup>		
iii	Membekal dan memasang skirting untuk jubin lantai 100mm diruang utama termasuk screeding.	20.00m		
iv	Membekal dan memasang jubin homogenus 450mm x 450mm termasuk lapisan screeding dan di ruang laluan.	2.88m <sup>2</sup>		
v	Membekal dan memasang skirting untuk jubin lantai 100mm diruang laluan termasuk screeding.	4.80m		

BIL	RINGKASAN HARGA	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH
vi	Membekal dan memasang jubin homogenus 450mm x 450mm termasuk lapisan screeding di ruang dapur.	10.80m <sup>2</sup>		
<b>3(d)</b>	<b>Kerja Elektrikal</b>			
i	Pendawaian mata lampu 1/d suis pelit leper KT 10A.	6.00unit		
ii	Pendawaian mata kipas pelawas 1/d suis pelit leper KT 10A ros siling tiga plat dan siling tiga plat dan bingkai.	3.00unit		
iii	Membekal dan memasang lampu pendaflour.	4.00nos		
iv	Membekal dan memasang lampu jenis downlight 6mm diameter di ruang utama.	12.00nos		
v	Membekal dan memasang kipas siling baru di ruang utama.	3.00nos		
<b>3(e)</b>	<b>Lain-Lain Kerja Berkaitan</b>			
i	Kerja-kerja membina kaunter top baru 600mm x 850mm x 6600mm dengan lantai konkrit termasuk kemas jubin pada setiap permukaan luar dan dalam kaunter top di dapur.	6.60m		
ii	Membekal dan memasang sinki double bowl jenis stainless steel termasuk kelengkapan aksesori paip air dan paip buangan baru.	1.00unit		
iii	Membekal dan memasang pintu kabinet dapur jenis fomica termasuk kerangka aluminium dan satu bahagian laci tiga tiga tingkat di dapur.	6.60m		
iv	Membekal dan memasang built in kabinet dengan kemas nytoh ply dan kaca di ruang utama.	3.00m		
<b>3(f)</b>	<b>Kerja Kemas Luar</b>			
i	Membekal tenaga kerja dan bahan kerja-kerja membaikpulih dinding-dinding yang retak dan pecah.	LS		
ii	Membekal tenaga kerja dan bahan bagi kerja-kerja mengecat dinding luar dengan cat wheathershield 2 lapisan dan 1 lapisan sealer termasuk mengeluarkan lapisan sedia ada dengan menggunakan water jet.	121.20m <sup>2</sup>		

<b>BIL</b>	<b>RINGKASAN HARGA</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>HARGA (RM)</b>	<b>JUMLAH</b>
iii	Membekal tenaga kerja dan bahan bagi kerja-kerja mengecat dinding luar bahagian atas dengan cat gloss 2 lapisan dan 1 lapisan sealer termasuk mengeluarkan lapisan sedia ada dengan menggunakan water jet.	96.00m <sup>2</sup>		
<b>Jumlah Besar No.3</b>				
<b>4</b>	<b>Kerja-kerja Di Luar Jangka.</b>			5000.00
<b>Jumlah Besar No.4</b>				
	<b>JUMLAH HARGA DITAWARKAN</b>			

RINGKASAN SEBUTHARGA NO : PSUKPP/73/2012

**TAJUK KERJA :** Kerja-Kerja Menaiktaraf Ruang Tingkat Bawah Banglo Jaksa,  
Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

<b>BIL</b>	<b>RINGKASAN HARGA</b>	<b>HARGA (RM)</b>
1	Jumlah Besar No.1	
2	Jumlah Besar No.2	
3	Jumlah Besar No.3	
4	Jumlah Besar No.4	
	<b>JUMLAH HARGA DITAWARKAN</b>	

Dalam perkataan :  
(Ringgit Malaysia) : .....

Tempoh kerja boleh disiapkan :.....Minggu

.....  
(Tandatangan Pemborong)

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh : .....	Nama Penuh : .....
No. K/P : .....	No. K/P : .....
Alamat : .....	Alamat : .....
No.Tel : .....	No.Tel : .....
Tarikh : .....	Tarikh : .....

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
PULAU PINANG**

**MAKLUMAT PENYEBUT HARGA**

1. Nama dan Alamat : .....
- Penyebut harga .....
- .....
2. No. Telefon : .....
3. Tarikh Ditubuhkan : .....
4. No. Pendaftaran Syarikat : .....

**Sila kemukakan salinan Sijil Perniagaan (Borang D – Perakuan Pendaftaran untuk perniagaan persendirian contohnya Enterprise, Trading dan sebagainya. Borang 9 – Perakuan Perbadanan Syarikat Sendirian)/Sijil Pendaftaran daripada Kementerian atau Pusat Khidmat Kontraktor.**

5. Maklumat mengenai tuan punya syarikat:

	<b>Nama</b>	<b>No. Kad Pengenalan</b>	<b>Jawatan/Taraf Dalam Syarikat *</b>
a)	.....	.....	.....
b)	.....	.....	.....
c)	.....	.....	.....
d)	.....	.....	.....
e)	.....	.....	.....

( \* Pengarah Urusan, Ahli Lembaga Pengarah/empunya tunggal dll).

6. Akaun Bank

a) Maklumat mengenai bank:

<b>Nama Bank</b>	<b>Cawangan &amp; Alamat</b>	<b>No. Akaun</b>
.....	.....	.....
.....	.....	.....
.....	.....	.....

b) Maklumat mengenai pegawai yang menandatangani cek-cek syarikat:-

	<b><u>Nama Pegawai</u></b>	<b><u>No. Kad Pengenalan</u></b>	<b><u>Tandatangan</u></b>
1)	.....	.....	.....
2)	.....	.....	.....
3)	.....	.....	.....

7. Modal Perniagaan:

Modal dibayar RM .....

Modal dibenarkan RM .....

8. Maklumat mengenai taraf syarikat

a) Taraf syarikat

Bumiputera

Bukan Bumiputera

***(Tandakan (/) di kotak berkenaan)***

b) Jika penyebut harga adalah syarikat Bumiputera, sila nyatakan peratus (%) penyertaan kaum-kaum seperti di bawah:-

i) Pengurusan Syarikat:

Melayu	..... %
China	..... %
India	..... %
Lain-lain	..... %
<b>Jumlah</b>	<b>=====</b>

ii) Kakitangan Syarikat:

Melayu	..... %
China	..... %
India	..... %
Lain-lain	..... %
<b>Jumlah</b>	<b>=====</b>

iii) Pembahagian Saham Syarikat

Melayu	..... %
China	..... %
India	..... %
Lain-lain	..... %
<b>Jumlah</b>	<b>=====</b>

c) Sekiranya Syarikat/Perniagaan tuan bertaraf BUMIPUTERA, satu salinan Akuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan yang mencatatkan taraf demikian dan yang belum habis tempoh pendaftarannya hendaklah dikemukakan bersama dokumen tender.

9. Maklumat mengenai perkhidmatan/kerja-kerja yang pernah dilakukan/dijalankan:

**SILA LENGKAPKAN LAMPIRAN I**

10. Maklumat mengenai kakitangan/pekerja:

**SILA LENGKAPKAN LAMPIRAN 2**

11. Maklumat mengenai kemudahan pengangkutan:

**SILA LENGKAPKAN LAMPIRAN 3**

12. Maklumat mengenai kemudahan STOR/BENGKEL:

**SILA LENGKAPKAN LAMPIRAN 4**

---

***Pengakuan:***

Disahkan bahawa semua keterangan dan maklumat-maklumat di atas adalah benar.

Tarikh : .....

.....  
Tandatangan dan cop syarikat

***Nota:*** Jika didapati keterangan/maklumat di atas tidak benar, pihak Pentadbiran berhak menolak/membatalkan tawaran syarikat tuan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



**SENARAI PEMBEKALAN/KERJA/PERKHIDMATAN YANG  
PERNAH DILAKSANAKAN DALAM TAHUN .....**

<b>Bil.</b>	<b>Jenis</b>	<b>Tarikh Kontrak Dilaksanakan/ Siap</b>	<b>No. Kontrak/No. <u>Pesanan Belian</u></b>	<b>Nama Agensi Kerajaan</b>	<b>Nilai (RM)</b>
				<b>Jumlah</b>	

**SENARAI KAKITANGAN SYARIKAT**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>No. Kad Pengenalan</b>	<b>Tarikh Mula Berkhidmat Dengan Syarikat</b>	<b>Jawatan/Tugas</b>	<b>Lain-lain</b>

**KEMUDAHAN PENGANGKUTAN**

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Pengangkutan</b>	<b>Jumlah</b>	<b>No. Pendaftaran Kenderaan</b>	<b>Lain-lain</b>

**KEMUDAHAN BENGKEL/STOR**

<b>Bil.</b>	<b>Alamat</b>	<b>Keluasan</b>	<b>Kemudahan Peralatan</b>	<b>Lain-lain</b>


**LAMPIRAN A****SENARAI SEMAKAN  
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tandakan ( / ) Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

<b>Bil</b>	<b>Perkara/Dokumen</b>	<b>Untuk Ditanda Oleh Syarikat</b>	<b>Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender</b>
1	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)		
2	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)		
3	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)		
4	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		
5	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		
6	Salinan Sijil Pendaftaran CIDB		
7	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani		
8	Borang Maklumat Penyebut Harga		

<b>Bil</b>	<b>Perkara/Dokumen</b>	<b>Untuk Ditanda Oleh Syarikat</b>	<b>Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender</b>
9	Pematuhan Kepada Spesifikasi		
10	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)		
11	Cadangan Penyelenggaraan /Penyelenggaraan (jika perlu)		
12	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)		
13	Salinan Akaun Syarikat Yang Telah Disahkan Dan Diaudit		
14	Tiada Nama Syarikat Dalam Dokumen Tawaran Teknikal		
15	Surat Pengesahan Dari Pengeluar/Pembuat		
16	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir		
17	Lain-lain Sekiranya Ada		

<b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b>	<b>UNTUK KEGUNAAN PEJABAT</b>
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. ....(jika ada).</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>



## PELAN LANTAI BAWAH

- \*\* Nota :**
1. Semua stang pada tiyang bawah akan diganti dengan stang jenis paku.
  2. Semua dinding di tingkat bawah akan di bata semua.
  3. Semua dinding akan dicat semua.
  4. Teras dan dapur di tingkat bawah akan dipasang dgn lubin dinding dan lubin lantai.
  5. Kuchan Cukoh akan dibina di dapur.
  6. Semua bilasan sederhana yang rusak akan diganti baru.
  7. Palang air hujan yang rusak akan diganti baru.
  8. Pintu besi yang rusak akan diganti baru.